



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OKTOBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.10.2022	SPRM Sahkan Penahanan Datuk Bandar Shah Alam	2
2.	02.10.2022	Ulang Peserta FELCRA RM230 Juta Dalam Proses Untuk Dilulus	3
3.	02.10.2022	541,315 Kuota Pengambilan Pekerja Warga Asing Dilulus	4
4.	02.10.2022	Syarikat Isteri Pegawai Kanan MBSA Disiasat	5
5.	03.10.2022	'Sambung Semula Pembinaan Selepas Selesai Rundingan' – Projek Kapal Tempur TLDM	6
6.	03.10.2022	Kerajaan Perlu Sedia Peruntukan Besar Urus Kelestarian Alam Sekitar	7
7.	06.10.2022	Tender Perolehan Meriam Artileri TLDM, Belum Dianugerah	8
8.		Belum Ada Syarikat Dianugerah Tender Projek	
9.	06.10.2022	Dua Subkontraktor LCS Saman Boustead – Isu Kapal Tempur TLDM	9
10.	07.10.2022	'Dua Kenyataan Laporan Forensik LCS Bercanggah'	10
11.	07.10.2022	Had Pembiayaan Kumpulan Wang COVID-19 Naik Kepada RM65B	11
12.	07.10.2022	Peningkatan Kadar Hutang Negara Perlu Ditangani	12
13.	19.10.2022	Penjawat Awam Didakwa Minta Rasuah RM15,000	13

1 OKTOBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT : 1



SPRM sahan
penahanan Datuk
Bandar Shah Alam
bantu siasatan
projek tebatan
banjir
Nasional 14

Kartel tender projek tebatan banjir

SPRM sahan penahanan Datuk Bandar Shah Alam

Zamani dilepas
dengan jaminan
RM50,000 setelah
beri keterangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mengesahkan penahanan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor bagi membantu siasatan kes tender projek tebatan banjir berstatus mega.

Bagaimanapun Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam kenyataan malam kelmarin me-

nafikan Zamani ditahan, sebaliknya hanya dipanggil SPRM untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, berkata individu berkenaan ditahan Rabu lalu dan dilepaskan dengan jaminan selepas diambil keterangan pada hari sama.

"Beliau dilepaskan dengan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin", katanya kepada *BH*, semalam.

Hishamuddin bagaimanapun enggan mengulas lanjut sama ada Zamani akan dituntut atau tidak dalam tempoh terdekat.

Difahamkan Zamani ditahan selepas pegawai SPRM hadir di pejabat MBSA.

Dalam kenyataan sama,

Datuk Bandar kena tahan bantu siasatan

Sebelum ini, kes pengaliran air oleh individu yang ditahan dengan jaminan RM50,000.

Keratan akhbar BH, semalam.

MBSA turut memaklumkan Zamani kembali bertugas di pejabat kelmarin selepas memberi keterangan.

Lengkapkan siasatan

Kelmarin *BH* melaporkan, seorang Datuk Bandar ditahan SPRM bagi membantu siasatan terhadap tender projek tebatan banjir dalam kawasan pentad-

biran pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor.

Sumber yang mengesahkan tangkapan itu, berkata lelaki berusia lingkungan 50 tahun terbit ditahan dalam usaha agensi berkenaan melengkapkan siasatan terhadap penyelewengan berkenaan.

BH sejak minggu lalu melaporkan SPRM mengesan kewujudan kartel dalam MBSA yang dipercayai memonopoli tender projek mega di bandar raya berkenaan.

Difahamkan, kartel itu turut membabitkan pengurusan tertinggi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan yang mempunyai kuasa untuk menyerahkan tender secara runding terus kepada pihak tertentu.

Kelmarin Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki di-

Individu berkenaan ditahan Rabu lalu dan dilepaskan dengan jaminan selepas diambil keterangan pada hari sama



Hishamuddin Hashim,
Pengarah Kanan
Bahagian
Siasatan SPRM

laporkan berkata, setakat ini sembilan individu termasuk beberapa kakitangan MBSA dan seorang pegawai Kanananya ditahan bagi membantu siasatan.

Beliau dilaporkan berkata siasatan awal SPRM, mendapati terdapat pegawai kanan PBT itu menerima habuan barangan berharga bernilai puluhan ribu ringgit.

Menurutnya, siasatan juga sedang dijalankan berhubung bagaimana sebuah syarikat mampu mengawal 30 syarikat lain untuk mendapatkan projek di jabatan di MBSA.

2 OKTOBER 2022 | AHAD | MUKA SURAT : 9



Nasional

9



Mahdzir beramah mesra dengan pengunjung Jelajah Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA di Pasir Mas, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Hutang peserta FELCRA RM230 juta dalam proses untuk dilupus

Pasir Mas: Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam proses memuktamadkan kaedah untuk melupuskan hutang peserta FELCRA yang tertunggak membabitkan nilai RM230 juta.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata jumlah hutang itu membabitkan 20,000 peserta sejak lebih 30 tahun lalu.

Katanya, hutang berkenaan sudah lama dan membabitkan beberapa generasi dengan ada dalam kalangan mereka sudah meninggal dunia.

"Banyak masalah dibangkitkan mengenai isu tunggakan hutang membabitkan peserta FELCRA dan sehingga kini berjumlah RM230 juta.

"Hutang yang dibuat peserta FELCRA adalah membabitkan kos pembangunan termasuk proses pembersihan tanah, pagar

dan penanaman pokok sebelum hutang berkenaan dibayar sebaik mendapat hasil.

"Justeru, kita sedang memuktamadkan bagaimana mahu melupuskan hutang berkenaan dan pada masa sesuai nanti, kita akan putuskan sebelum mengumumkan secara rasmi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Jelajah Mini Karnival Keluarga Malaysia FELCRA di sini, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, sekiranya hutang berkenaan tidak dilupuskan, generasi akan datang akan mengalami isu sama.

"Jadi, lebih baik kita mencari jalan bersesuaian dan kita akan lihat perkara ini selepas Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub membentangkan perkara ini kepada saya," katanya.

2 OKTOBER 2022 | AHAD | MUKA SURAT : 9

541,315 kuota pengambilan pekerja warga asing dilulus

Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia (KSM) meluluskan 541,315 kuota pengambilan pekerja warga asing sehingga 26 September lalu dan daripada jumlah itu, sebanyak 436,613 kuota sudah membuat bayaran levi.

KSM berkata, mengambil kira 1.3 juta pekerja warga asing sedia ada dan bilangan kuota yang diluluskan, sebanyak 541,315, jumlah itu hampir memenuhi permintaan industri untuk keperluan guna tenaga pekerja warga asing.

Katanya, keperluan guna tenaga pekerja asing di Malaysia dalam lingkungan 1.8 juta dan ia jumlah maksimum pernah dicapai.

1.3 juta pekerja asing berdaftar

"Setakat ini terdapat 1.3 juta pekerja warga asing di sektor dibenarkan pengambilan dan pengajian pekerja warga asing termasuk sektor tidak formal.

"Pada masa sama, lebih 612,000 pekerja warga asing berdaftar dan

hulus semakan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan (PKK) di negara sumber, manakala terdapat 228,321 pekerja warga asing atau bersamaan 37.3 peratus sudah diluluskan Visa Dengan Rujukan oleh Jabatan Imigresen yang sedang menunggu masa untuk tiba di negara ini," katanya dalam kenyataan semalam.

KSM berkata, perbincangan diadakan dengan pihak industri mengenai isu kemasukan pekerja warga asing dan dimaklumkan bahawa industri seperti sektor perladangan yang diberikan kelulusan kuota, tidak akan membawa masuk guna tenaga pekerja warga asing secara sekali gus.

Katanya, pengambilan itu akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan dan perancangan majikan, kerana mereka mempunyai tempoh sehingga 18 bulan untuk membawa masuk pekerja warga asing selepas bayaran levi diselesaikan. **BERNAMA**



Pengambilan pekerja asing termasuk dalam sektor pembinaan ikut keperluan.

(Foto hiasan)

2 OKTOBER 2022 | AHAD | MUKA SURAT : 16



Kartel projek tebatan banjir

Syarikat isteri pegawai kanan MBSA disiasat

Kontraktor perlu beli bahan binaan daripada firma kroni

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebuah syarikat dimiliki isteri kepada seorang pegawai kanan di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kini disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki mempunyai kepentingan dalam beberapa projek pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Difahamkan, syarikat itu juga disyaki terlibat dalam projek tebatan banjir mega 'Shah Alam Sustainable Urban Drainage Masterplan' (SASUD) meskipun tidak dilantik secara rasmi memegang tender projek itu.

BH difahamkan, syarikat milik isteri pegawai kanan PBT itu membekalkan bahan binaan iaitu CPC Slab (kepingan konkrit komposit berliang) yang akan digunakan dalam projek mega tersebut.

Berdasarkan modus operandi,

semua syarikat kontraktor dipas-tikan membeli bahan binaan itu daripada syarikat milik kerajaan yang di belakangnya adalah syarikat milik isteri pegawai kanan PBT terbabit.

"SPRM ketika ini sedang menyiasat kemungkinan ia tak-tik digunakan itu bertujuan mengaburi pembabit syarikat milik isteri pegawai kanan itu, sedang-kan ia sebenarnya adalah pihak yang akan membekalkan bahan binaan itu.

"Mereka membuat deal (run-dingan) supaya syarikat milik kerajaan dilihat ke hadapan (dia-nugerah dan melaksanakan ten-der itu), tetapi sebenarnya mereka mendapatkan bekalan bahan bi-naan itu daripada syarikat milik isteri pegawai kanan ini," kata sumber kepada BH.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki kelmarin berkata, SPRM ketika ini menjalankan sia-satan berhubung sebuah syarikat yang mampu mengawal 30 syarikat lain untuk mendapatkan projek di pelbagai jabatan di bawah MBSA.

Terima habuan

Beliau berkata, siasatan awal SPRM mendapati terdapat pegawai kanan PBT itu menerima habuan barangan berharga bernilai pulu-

han ribu ringgit.

BH sejak minggu lalu melapor-kan SPRM mengesan kewujudan kartel dalam MBSA yang diper-cayai memonopoli tender projek mega di bandar raya berkenaan.

Difahamkan, kartel itu turut membabitkan pengurusan terting-gi PBT berkenaan yang mempun-ya kuasa untuk menyerahkan tender secara runding terus kepa-da pihak tertentu.

Kesan kehadiran kartel itu menyebabkan hanya pihak terten-tu dipercayai rapat dengan kartel dilantik menjadi kontraktor pro-jek, sekali gus mengakibatkan projek diberi tidak dilaksanakan seperti dikehendaki.

SPRM turut mengesan kira-kira 68 syarikat kontraktor dalam sena-rai dipercayai disediakan jurutera MBSA yang didakwa ditawarkan tender projek PBT.

Kelmarin, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, me-ngesahkan penahanan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor, bagi membantu siasatan kes tender projek tebatan banjir berstatus mega.

Katanya, individu itu ditahan Rabu lalu dan dilepaskan dengan jaminan selepas diambil ketera-ngan pada hari sama.

3 OKTOBER 2022 | ISNIN | MUKA SURAT : 7



BH Isnin, 3 Oktober 2022

Nasional

Projek kapal tempur TLDM

'Sambung semula pembinaan selepas selesai rundingan'

Tempoh 14 bulan siapkan kapal pertama selepas fasa mobilisasi berakhir

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) akan disambung semula sebaik semua rundingan dalam fasa mobilisasi yang sedang berlangsung selama enam bulan sejak Jun lalu, selesai penghujung Disember ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata selepas fasa mobilisasi berakhir kelak, semua pihak terbabit mempunyai tempoh 14 bulan untuk memastikan pembinaan kapal pertama LCS disiapkan.

Selain itu katanya, ia juga perlu berada di permukaan air sebelum menjalani ujian seperti 'Harbour Acceptance Test' dan 'Sea Acceptance Trial'.

"Garis masa ini mesti dipatuhi semua pemegang taruh, khususnya Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) selaku syarikat pembuat.

"Pembinaan LCS akan disambung semula selepas semua rundingan selesai dan setiap perjanjian dimuktamadkan dalam fasa mobilisasi yang berakhir penghujung Disember ini," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, ketika fasa mobilisasi ini, pelbagai usaha sudah dan sedang dilaksanakan, terutama Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), selain pihak komersial khususnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) serta BNSSB.

Katanya, hasil tumpuan dan kesungguhan semua pihak bagi memastikan projek LCS dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi TLDM serta kepentingan maritim negara, fasa mobilisasi ini berjalan lancar selari syor beberapa pihak berkepentingan termasuk Jemaah Menteri, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) serta Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK).

"Dalam tempoh kira-kira tiga bulan pertama fasa mobilisasi ini sahaja, banyak perkara yang dilaksana, malah sebahagiannya sudah diselesaikan," katanya.

Laksana dua perkara

Dari sudut komersial pula katanya, dua perkara sedang dilaksanakan iaitu pertama, rundingan dengan pihak berkaitan yang mana BNSSB sudah selesai mengadakan rundingan dengan 145 vendor tempatan dan 42 pengeluar peralatan tulen (OEM) luar negara.

Katanya, pihak vendor tempatan dan OEM terutamanya membabitkan peralatan serta sistem utama juga sudah memberi aku janji untuk menyokong dan ber-

sama pihak BNSSB bagi meneruskan projek ini.

"Selain itu proses penamatan pembabit 'orang tengah' atau pengantara iaitu syarikat Contraves 'Advanced Devices (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn Bhd (CED) sedang giat dilakukan.

"Penamatan ini membolehkan BNSSB berunding dengan OEM dan vendor secara terus tanpa perlu lagi melalui CAD dan CED.

"Langkah ini juga akan dapat mengurangkan kos peralatan kapal yang perlu dibayar kepada vendor serta OEM memandangkan tiada lagi pembabit pihak pengantara," katanya.

Beliau berkata, BNSSB juga sedang giat berunding dengan sembilan institusi perbankan bagi tujuan penstrukturan semula hutang dan dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh mobilisasi itu.

Perkara kedua pula katanya, adalah berkaitan 'detailed design' yang sedang dirundingkan BNSSB dengan pihak Naval Group dari Perancis dan ia penting bagi memastikan apa jua yang diputuskan kelak dapat memenuhi keperluan TLDM sebagai 'end user'.

"Pihak Naval Group juga memutuskan menghantar pasukan teknikalnya untuk melakukan audit terhadap 'detailed design' tersebut pada bulan ini," katanya.

Hishammuddin berkata, dari sudut antara kerajaan dengan kerajaan pula, wakil Perancis

sudah bertemunya dan menyerahkan komitmen bertulis menyatakan usaha meneruskan dan menyelesaikan projek LCS menjadi keutamaan negara itu.

"Ini perkembangan yang mustahak serta amat membantu memandangkan majoriti Naval Group dimiliki oleh Perancis.

"Secara keseluruhannya, semua pihak daripada kerajaan mahupun komersial memainkan peranan masing-masing dengan sangat baik terutama di fasa mobilisasi ini," katanya.

Laporan berjadual

Beliau berkata, seperti diarahkan Kabinet, laporan proses rundingan di fasa mobilisasi harus dibentangkan kepada Jemaah Menteri secara berjadual, manakala di sudut struktur pemantauan, proses di fasa mobilisasi, ia dilaksanakan secara rapi oleh perunding pengurusan projek (PMC).

"Ia dipengerusikan bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) Kementerian Kewangan serta Ketua Setiausaha MINDEF dan di bawah PMC ini juga terdapat Jawatankuasa Teknikal LCS yang bermesyuarat setiap dua minggu sekali," katanya.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, seperti yang dimaklumkan sebelum ini, sementara menunggu LCS siap sepenuhnya, TLDM sudah memohon perolehan Littoral Mission Ship (LMS) kumpulan kedua yang dilengkapi persenjataan lebih menyeluruh.

Katanya, kementerian juga sudah membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan perolehan ini.



Hishammuddin Hussein

3 OKTOBER 2022 | ISNIN | MUKA SURAT : 12

12

Rencana

Isnin, 3 Oktober 2022 BH

Kerajaan perlu sedia peruntukan besar urus kelestarian alam sekitar

- Kelestarian alam sekitar perlu dinyatakan secara jelas dan tersendiri di dalam Bajet 2023 tanpa diletak atau dirangkum bersama sektor lain
- Bajet 2023 tidak harus meminggirkan aspek penjagaan dan kelestarian alam sekitar dalam mengimbangi perkembangan ekonomi dengan kesejahteraan alam sekitar



Institut Pengajian Sains Sosial/ Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Pada kebiasaannya, pembentangan bajet tahunan kerajaan menumpukan kepada aspek pengukuhan ekonomi negara, menajana pertumbuhan perniagaan domestik dan paling penting meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, bajet dibentangkan kerajaan menjurus ke arah pemulihan ekonomi negara dan memastikan kehidupan rakyat lebih terjamin akibat penularan pandemik COVID-19.

Setakat ini, lebih 30 cadangan dikemukakan kepada Majlis Konsultasi Bajet 2023 yang menyentuh aspek kehidupan rakyat, perniagaan, ekonomi dan kerajaan.

Menurut Kementerian Kewangan (MOF), antara topik utama diberi penekanan pada bajet tahun depan adalah menangani peningkatan kos sara hidup rakyat, pembangunan industri pertanian, penjagaan kesihatan awam, pelaksanaan subsidi bersasar dan meningkatkan kerjasama sektor awam, swasta dan sosial ke arah mensejahterakan Keluarga Malaysia.

Ternyata fokus utama Bajet 2023 masih lagi berteraskan kesejahteraan dan kebajikan rakyat segenap lapisan masyarakat. Ini termasuk penekanan terhadap aspek penjagaan kesihatan awam merangkumi perlindungan dan pemeliharaan persekitaran.

Namun, aspek kelestarian alam sekitar juga tidak boleh diabaikan dalam pembentangan Bajet 2023 nanti. Kelestarian alam sekitar perlu dinyatakan secara jelas dan tersendiri tanpa diletak atau dirangkum bersama sektor lain.

Kerajaan wajar meletakkan keutamaan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar negara di dalam Bajet 2023, sejajar penekanan terhadap kepentingan ekonomi dan pembangunan.

Hal ini selaras dengan pewartaan beberapa dasar utama ke arah Malaysia lebih lestari dan sejahtera termasuklah Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Perubahan Iklim Negara, Dasar Kepele-

giaan Biologi Negara dan terbaru, Dasar Tenaga Negara di samping pelaburan ke arah teknologi hijau dan tenaga diperbaharui.

Tindakan jitu ini sangat dituntut kerana ia menunjukkan komitmen penuh dan padu kerajaan meningkatkan keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar negara.

Tambahan pula, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menerusi dokumen Laporan Pembangunan Manusia 1994 menjelaskan terdapat tujuh elemen dikategorikan sebagai dimensi baharu keselamatan manusia.

Ia merangkumi aspek keselamatan ekonomi, makanan, kesihatan, alam sekitar, peribadi, komuniti dan politik.

Jamin kualiti hidup manusia

Ketujuh-tujuh elemen ini saling berkait rapat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Ia juga mempunyai hubungan berbentuk 'sebab dan akibat' antara satu sama lain seperti kekurangan sumber air (keselamatan alam sekitar) boleh menjejaskan bekalan air bersih yang memberi kesan kepada kualiti hidup dan kesejahteraan kesihatan manusia sejagat.

Tindakan ini mampu menonjol dan melonjak usaha bersungguh-sungguh Malaysia dalam isu penjagaan alam sekitar di persada antarabangsa untuk mencapai sasaran ditetapkan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), khususnya menangani impak perubahan iklim kepada pengu-rangan pelepasan gas rumah hijau.

Bagi mencapai ke arah pembangunan inklusif dan mampan juga, kepentingan terhadap alam sekitar tidak boleh dipandang remeh kerajaan.

Semua ini menuntut agenda pembangunan hijau diberi penekanan bagi memastikan perancangan pembangunan negara mengambil kira kelestarian alam sekitar.

Oleh itu, aspek pembangunan seperti ekonomi, peningkatan pendapatan rakyat, perpaduan, keselamatan dan kesihatan persekitaran antara agenda perlu diangkat kerajaan.

Lantaran itu, kerajaan 'berbelanja besar' bagi menangani pelbagai aspek pengabaian, pencemaran dan kemusnahan alam sekitar pihak tertentu.

Maka, aspek pendidikan alam sekitar bagi membangkit kesedaran berterusan masyarakat terhadap usaha melestarikan alam sekitar juga memerlukan peruntukan bukan sedikit.

Namun, usaha ini sangat penting supaya pada masa hadapan, kesedaran tinggi masyarakat dalam melindungi alam sekitar kelak menjadi faktor kerajaan tidak perlu memperuntukkan kos tinggi bagi membaiki pulih alam sekitar yang terjejas dan tercemar. Sebagai contoh, pada 2021, pembersihan Sungai Semenyih membabitkan kos pembersihan RM8 juta, manakala pencemaran Sungai Kim Kim pula membabitkan kos RM6 juta.

Kos tinggi tangani bencana

Sementara itu, negara turut terdedah dengan ancaman bencana alam ekstrem seperti tanah runtuh, banjir, angin kencang dan kemarau. Semua ini menelan kos tinggi untuk dibaik pulih, dirawat dan membantu mangsa kehilangan harta benda dan nyawa ahli keluarga.

Kerosakan harta dan kemudahan komuniti disebabkan banjir juga meningkatkan kos kerugian kepada kerajaan dan pada masa sama boleh memberi kesan relatif terhadap ekonomi negara.

Bencana banjir seperti melanda Lembah Klang pada 18 Disember 2021 dianggar menyebabkan kerugian sekurang-kurangnya RM20 bilion.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menganggarkan memerlukan peruntukan sebanyak RM392 bilion sebagai langkah jangka panjang mengatasi masalah banjir di negara ini sehingga 2100. Maka kerajaan perlu memberi perhatian khusus terhadap aspek ini dalam penyediaan Bajet 2023.

Pada Bajet 2021, MOF mencadangkan peruntukan sejumlah RM4.172 bilion untuk melestarikan alam sekitar dan air. Peruntukan kepada KASA ini meningkat 20.09 peratus berbanding peruntukan tahun 2020.

Pada Bajet 2022 pula, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM450 juta bagi pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar serta biodiversiti dan penerbitan Suku Kelestarian bernilai RM10 bilion bagi mencapai strategi pembangunan mampan negara.

Antara inisiatif tumpuan adalah projek pemeliharaan alam seperti *Penang Hill Biosphere Reserve* dan *Tasik Chini Reserve* serta projek pemuliharaan alam menangani hakisan pantai di Pantai Merdeka di Kedah, mengatasi banjir di Melaka dan pemberian bantuan kos meningkatkan pembiakan Harimau Malaya serta Kempen Penanaman 100 juta Pokok.

Sementara itu, krisis perubahan iklim dijangka memberi kesan serius terhadap kesejahteraan hidup rakyat menyebabkan kerajaan perlu mengambil langkah awal memastikan kesiapsiagaan sepenuhnya dan infrastruktur lengkap bagi menghadapi fenomena ini bagi meminimumkan pelbagai kos berkaitan.

Justeru, Bajet 2023 yang akan dibentangkan pada 7 Oktober ini tidak harus meminggirkan aspek penjagaan dan kelestarian alam sekitar dalam mengimbangi perkembangan ekonomi dengan kesejahteraan alam sekitar. Apatah lagi penjagaan alam sekitar adalah mustahak bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat terjamin.



6 OKTOBER 2022 | KHAMIS | MUKA SURAT : 1 & 4

Tender perolehan meriam artileri TDM belum dianugerah

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan menegaskan tender perolehan meriam artileri jenis Self Propelled Howitzer (SPH) untuk kegunaan Tentera Darat Malaysia (TDM) belum diserahkan kepada mana-mana syarikat.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sebaliknya tender untuk projek membabitkan peruntukan RM854 juta itu masih berjalan, dengan proses rundingan antara Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Kewangan masih diteruskan.

"Maklumlah dalam landskap politik hari ini, macam-macam benda akan diluahkan. Saya minta semua pihak supaya rasional dan membenarkan proses itu berjalan seperti biasa.

Nasional 4

Belum ada syarikat dianugerah tender projek

Dari Muka 1

"Proses untuk dianugerahkan tender ini juga banyak berkisar kepada pelbagai agensi dan bukannya MINDEF sahaja. "Setakat ini, kita juga akan berbincang seperti biasa dengan MOF dan selagi tender ini belum ditentukan, saya rasa kenapa kita nak urus-uruskannya sesuatu yang belum 'diberikan' (dianugerah tender) atau diputuskan," katanya.

Beliau yang ditemui pemberita ketika lawatan kesiapsiagaan di Kem Perdana Sungai Besi, turut meninjau Bahagian Operasi Pasukan Khas Pertahanan (BOPKP) dan menyempurnakan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLAT) dengan Universiti Tun Abdul Razak Sdn Bhd (UNIRAZAK) untuk menawarkan pengajian kepada anak kakitangan MINDEF.

Kelmarin, Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli, mendakwa tender perolehan SPH itu dianugerahkan secara terus kepada sebuah syarikat pembekalan yang baru dua tahun ditubuhkan dan bukan menerusi tender terhad.

Rafizi mendakwa arahan dikeluarkan Perdana Menteri serta Menteri Kewangan supaya rundingan terus diadakan dengan syarikat MA Analytic Sdn Bhd, yang tiada pengalaman dalam bidang berkenaan.

SPH ialah meriam artileri

Rafizi dakwa kepincangan tender RM854 juta beli meriam artileri

Dari Muka 1

Kuala Lumpur: Tender perolehan meriam artileri jenis Self Propelled Howitzer (SPH) untuk kegunaan Tentera Darat Malaysia (TDM) belum diserahkan kepada mana-mana syarikat.

Keratan akhbar BH, semalam.

digunakan TDM dan diukur antaranya daripada segi keupayaan jarak tembakan dan keperluan mobilisasi serta pengangkutan.

Zahir: keseimbangan

Dalam pada itu, Hishammuddin menzahirkan keseimbangan dengan pendedahan dibuat itu, khususnya membabitkan soal kerahsiaan kerajaan, terutama berkaitan tahap kesiapsiagaan ketenteraan negara.

"Sebelum ini, surat antara kementerian sebagainya adalah rahsia dan kita juga ada Akta Rahsia Rasmi (OSR).

"Bagi saya, setakat proses nak beri projek saya tidak risau sangat, tetapi jika maklumat rahsia berhubung kait dengan peralatan dan boleh menjejaskan kesiapsiagaan kita boleh bocor kepada musuh, itu lebih membimbangkan saya.

"Bagaimana ia (perolehan SPH) bocor sebelum proses ini dimuktamadkan lagi, wallahuallah," katanya.

Mengulas sama ada MINDEF



Hishammuddin melawat pameran statik persenjataan dan peralatan khas ketika lawatan kesiapsiagaan di Kem Perdana Sungai Besi, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

akan membuat laporan kepada pihak berkuasa mengenai kebocoran dokumen itu, Hishammuddin berkata, pihaknya tidak akan mengembar-gemburkan perkara itu disebabkan tiada pengumuman tender berlangsung.

Beliau berkata, kebocoran perolehan, termasuk membabitkan kes kapal tempur pesisir (LCS) akan dijadikan pengajaran berharga untuk MINDEF

supaya tidak berulang.

"Ini pelajaran kita dengan LCS dan Isnin ini, Timbalan Menteri (Datuk Seri Ikmal Hisyam Abdul Aziz) akan menjawab di Parlimen bukan secara khusus kepada LCS, tetapi apa pengajaran kita dalam isu itu supaya ia tidak berulang.

"Cadangan Tan Sri Ambrin Buang (Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan)

kita setuju untuk laksanakan dan cadangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) juga akan diteliti. Jika ada kebaikan kita akan laksanakan.

"Oleh itu adalah penting proses itu ditambah baik mengikut pengalaman yang kita lalui kerana pertimbangan antara keselamatan pertahanan negara dan keterbukaan kepada semua ada had dan batas," katanya.

6 OKTOBER 2022 | KHAMIS | MUKA SURAT : 4



4

Nasional

Khamis, 6 Oktober 2022 BH

Isu kapal tempur TLDM

Dua subkontraktor LCS saman Boustead

CAD, CED dakwa keputusan BNS tarik balik 12 LoA adalah tidak sah

Oleh Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC) dan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) disaman dua anak syarikatnya, yang juga subkontraktor terabit dalam pembinaan projek kontroversi kapal tempur pesisir (LCS).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, BHIC berkata, saman itu difailkan di Mahka-

mah Tinggi Kuala Lumpur pada 27 September lalu, oleh dua syarikat yang 51 peratus miliknya iaitu Contraves Electrodynamics Sdn Bhd (CED) dan Contraves Advanced Devices Sdn Bhd (CAD).

Saman itu menamakan pengarah BNS, BHIC, BHIC Defence Technologies Sdn Bhd (BHICDT) dan BHICDT, Salihin Abang dan Syed Zahiruddin Putra Syed Osman.

Mengikut bawah writ saman dan pernyataan tuntutan (WCCS) yang difailkan, CAD dan CED mendakwa, bahawa keputusan BNS untuk menarik balik 12 surat anugerah (LoA) untuk projek LCS adalah tidak sah.

Syarikat berkenaan dipertanggungjawabkan untuk membeli peralatan daripada pengeluar peralatan asli (OEM) untuk frigat tentera laut.

LoA dilaporkan dibatalkan BNS pada bulan lalu, berikutan dakwaan salah laku dan urusan niaga palsu.

Tuntut RM216 juta

CAD menuntut masing-masing RM880,068.21; 39.87 juta euro, 3.78 juta pound British dan 55.94 juta kronor Sweden dalam dakwaan jumlah tertunggak daripada BNS, manakala CED menuntut RM216 juta.

BHIC menguasai 27.77 peratus kepentingan dalam BNS, kontraktor Kementerian Pertahanan, untuk membina enam frigat di bawah program LCS.

Penemuan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendedahkan percanggahan dan kelewatan dalam projek pembinaan LCS bernilai RM9 bilion sejak 2017.



Kos menyiapkan enam LCS mungkin meningkat kepada RM11.145 bilion.
(Foto hiasan)

Kontrak itu diberikan kepada BNS melalui rundingan terus, dengan kerajaan membayar RM6.083 bilion, tetapi tidak satu pun LCS diserahkan setakat ini. Menurut laporan yang dide-

dahkan oleh jawatankuasa penyiasatan tadbir urus, perolehan dan kewangan, kos untuk menyiapkan enam LCS mungkin meningkat kepada RM11.145 bilion.

7 OKTOBER 2022 | JUMAAT | MUKA SURAT : 9

BH
BeritaHarian

'Dua kenyataan laporan forensik LCS bercanggah'

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati terdapat percanggahan kenyataan antara Kementerian Pertahanan dan Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) berkaitan Laporan Pengauditan Forensik Kapal Tempur Pesisir (LCS).

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh, berkata dalam prosiding yang dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Muez Abdul Aziz, semalam, pihaknya membangkitkan mengenai isu pemadaman (redacted) sebahagian maklumat dalam laporan berkenaan, yang boleh didapati di laman web PAC.

"Dalam sesi sebelum ini, BHIC menjelaskan, syarikat itu menerima laporan forensik yang sudah dipadamkan daripada Kementerian Pertahanan sebelum menyerahkan kepada Sekretariat PAC untuk dimuat naik di laman web.

"Bagaimanapun, dalam prosiding semalam (kelmarin), Ketua Setiausaha menyatakan Kementerian itu tidak pernah menerima laporan itu dari BHIC dan tidak terbabit dalam pemadaman sebahagian laporan.

"Jadi, ada dua kenyataan bercanggah antara Kementerian dan BHIC," katanya semalam.

Prosiding selama dua jam semalam adalah bagi pembentangan tindakan yang diambil terhadap tujuh syor yang dinyatakan dalam Laporan PAC berhubung perolehan LCS.

Bahagian dipadam

Laporan Pengauditan Forensik Kapal LCS oleh BHIC, syarikat pembina LCS, dinyahklasifikasi pada Ogos lalu, namun ada bahagian dipadam atau di-

hitamkan dalam laporan itu.

Selain itu, Laporan Pengauditan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan turut berdepan isu sama.

Justeru, Kah Woh berkata, PAC meminta Kementerian Pertahanan mendapatkan penjelasan daripada BHIC dan mengemukakan ulasan kepada jawatankuasa itu.

"PAC mahu mengetahui sama ada BHIC pernah menyerahkan sesalinan laporan forensik penuh kepada Kementerian dan (jika ada), siapa yang mengarahkan sebahagian pemadaman itu.

"Menegenai Laporan JKSTUPKK yang ada sebahagian maklumatnya juga dipadam, kita difahamkan ia adalah atas nasihat Jabatan Peguam Negara, yang merangkumi nama pemegang saham dan pengarah syarikat serta bank yang memberi pinjaman atau kemudahan kewangan," katanya.

"PAC berpandangan, khususnya mengenai maklumat nama pengarah dan pemegang saham, ia maklumat terbuka yang boleh dibeli daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SMM), justeru tiada keperluan memadamnya," katanya.

Kah Woh berkata, PAC juga tidak berpuas hati dan tidak menerima penjelasan daripada Jabatan Peguam Negara mengenai alasan keperluan pemadaman itu.

"PAC menegaskan syor jawatankuasa ini supaya laporan berkenaan dinyahklasifikasi sepenuhnya dan Kabinet harus memberikan arahan sedemikian," katanya.

7 OKTOBER 2022 | JUMAAT | MUKA SURAT : 9

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021

Had pembiayaan Kumpulan Wang COVID-19 naik kepada RM65b

Kuala Lumpur: Had pembiayaan Kumpulan Wang COVID-19 meningkat RM65 bilion pada November tahun lalu melalui pe-
wartaan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021.

Menurut laporan itu pembiayaan asal adalah sebanyak RM45 bilion, namun pada 17 November tahun lalu, had pembiayaan dinaikkan kepada RM110 bilion melalui akta itu yang bertujuan membiayai empat pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang

diumumkan kerajaan dengan amaun keseluruhan RM225 bilion.

“Pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang tertinggi pada 2021 adalah Pakej Pertindangan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dengan peruntukan RM150 bilion,” demikian menurut laporan itu yang dikeluarkan semalam.

Menurut laporan itu, perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 pada 2021 adalah RM 37.11 bilion atau 96.7 peratus berbanding RM39 bilion yang diluluskan.

Perbelanjaan tertinggi memba-

bitkan pemberian tunai, subsidi dan geran kepada golongan sasar meliputi program Bantuan Prihatin Nasional; Program Subsidi Upah; Insentif Pengekalan Pekerjaan; Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan serta Geran Prihatin bagi Peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berjumlah RM28.306 bilion atau 75.1 peratus berbanding 2021.

Peningkatan perbelanjaan

Menurut laporan itu juga, terdapat peningkatan perbelanjaan bagi program Sokongan Bantuan Sosial untuk golongan mudah

terjejas; peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19 dan diskaun bil elektrik berbanding 2020.

Bagi perbelanjaan program Sokongan Bantuan sosial, RM2.811 bilion sudah dibelanjakan, meningkat RM2.714 bilion berbanding 2020 yang berjumlah RM96.93 juta dan peningkatan ketara itu disebabkan pelaksanaan 20 subprogram berbanding empat subprogram.

Selain itu, RM2.686 bilion dibelanjakan bagi peruntukan perbelanjaan berkaitan COVID-19 pada 2021, iaitu meningkat

RM1.895 bilion berbanding 2020 yang berjumlah RM791.15 juta untuk membiayai perbelanjaan yang membabitkan pelbagai kementerian dan agensi.

Mengenai diskaun bil elektrik pula, RM489.50 juta dibelanjakan pada 2021 bagi tujuan subsidi bil elektrik, meningkat RM311.97 juta berbanding 2020 yang berjumlah RM177.53 juta.

“Pembayaran diskaun itu membabitkan pembayaran kepada pembekal perkhidmatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak,” menurut laporan itu.

BERNAMA

7 OKTOBER 2022 | JUMAAT | MUKA SURAT : 9



BH Jumaat, 7 Oktober 2022

Sidang Dewan Rakyat

Peningkatan kadar hutang negara perlu ditangani

Kerajaan diminta ambil tindakan pembedulan

Kuala Lumpur: Peningkatan hutang negara yang tinggi tidak boleh dibiarkan berterusan dan kerajaan mesti mengambil langkah pembedulan supaya ia dapat dikawal.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata pinjaman kasar kerajaan sebanyak RM217.201 bilion pada 2021, menjadikan hutang negara meningkat kepada RM979.814 bilion, peningkatan 11.4 peratus, berbanding 2020 dan 63.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Nik Azman berkata, situasi yang mengakibatkan peningkatan hutang itu mempunyai asas dan difahami kerana pada tahun lalu, sebahagian pinjaman digunakan untuk menangani COVID-19 dan penjana ekonomi, bagi membantu individu serta syarikat yang terjejas.

“Cuma kita bimbang, kenaikan hutang ini tidak boleh berterusan. Ini patutnya menjadi langkah jangka pendek sahaja.

“Pada pandangan kita, kerajaan harus mengambil ini seba-

gai langkah sementara dan mengambil tindakan pembedulan supaya peningkatan hutang ini dapat dikawal dan senang diurus,” katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Wong Kah Woh.

Beliau berkata, ia susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 dan LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Selain angka peningkatan hutang itu, LKAN juga menyatakan, pinjaman kasar kerajaan pada 2021 sebanyak RM217.201 bilion, peningkatan 11.6 peratus berbanding 2020.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM113.764 bilion atau 52.4 peratus digunakan untuk membayar

prinsipal matang.

Kerajaan faedah meningkat

Mengulas perkara berkenaan, Nik Azman berkata, disebabkan peningkatan hutang, bayaran faedah hutang negara juga meningkat.

“Ini faedah baharu, sedangkan separuh daripada hutang baharu digunakan untuk membayar hutang lama. Ini tidak boleh dibiarkan berterusan.

“Walaupun kita faham ini langkah sementara, tugas kita sebagai juruaudit untuk memberi penekanan kepada perkara ini,” katanya.

Sementara itu, Kah Woh berkata, PAC turut bimbang mengenai trend peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan itu.

Katanya, walaupun Penyata Kewangan Kerajaan Tahun 2021 itu diberikan Sijil Ketua Audit Negara tanpa teguran, terdapat perkara yang ditegaskan Ketua Audit Negara yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan.

“Cuma kita bimbang, kenaikan hutang ini tidak boleh berterusan. Ini patutnya menjadi langkah jangka pendek sahaja”

Nik Azman Nik Abdul Majid,
Ketua Audit Negara



19 OKTOBER 2022 | RABU | MUKA SURAT : 18



Penjawat awam didakwa minta rasuah RM15,000

Kota Kinabalu: Seorang penjawat awam dihadapkan di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan RM15,000, dua tahun lalu.

Ali Hashin Nasip, 54, yang bertugas sebagai pemandu kenderaan di sebuah agensi kerajaan negeri, didakwa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Dia dituduh secara rasuah meminta suapan wang tunai RM10,000 daripada seorang individu pada 5 September 2020 di Pejabat Tanah Daerah Kudat sebagai dorongan mempercepatkan permohonan kelulusan lanjutan tempoh pajakan tanah milik individu terbabit.

Ali Hashin juga didakwa secara rasuah menerima suapan wang tunai bernilai RM5,000 bagi tujuan yang sama di sebuah restoran di sini pada 19 September ta-

hun yang sama.

Dia bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan.

Abu Bakar membenarkan tertuduh dijamin RM7,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 November depan untuk sebutan semula kes. Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Norsham Saharom dan Joe Randy Juster; manakala Ali Hashin tidak diwakili peguam. BERNAMA